

# Penglipur Lara Awang Batil: Nilai, Fungsi dan Falsafah dalam Penyampaian (Cerita dan Lagu)

**Mohd Syamril Akhmar Chek Kassim**  
*Pusat Bahasa Antarabangsa*  
*Universiti Malaysia Perlis, Malaysia*  
syamril@unimap.edu.my

**Abstrak-** Seni Awang Batil di negeri Perlis kini semakin dilupai dan hikayatnya mulai disaingi oleh arus pemodenan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai kesenian Awang Batil. Temu bual dijalankan bersama tokoh Penglipur Lara Awang Batil iaitu Encik Ramli bin Mahmud. Temu bual ini telah diadakan di rumah beliau yang terletak di Kampung Mata Ayer, Chuping, Perlis. Hasil kajian ini, jelas menunjukkan bahawa persembahan Awang Batil mempunyai acara ritual yang tersendiri. Selain itu, cerita dan lagu yang dipersembahkan juga mempunyai fungsi, nilai dan falsafah kepada masyarakat Melayu. Oleh itu, seharusnya khazanah bangsa yang bernilai ini perlu dijaga dan dipelihara supaya tidak hilang begitu saja demi kepentingan generasi yang akan datang.

## I. PENGENALAN

Ini adalah satu kajian mengenai nilai, fungsi dan falsafah dalam penyampaian cerita Awang Batil. Awang Batil adalah salah satu khazanah cerita rakyat yang terdapat di Malaysia selain Tok Selampit, Tok Jubang mahupun Mak Yong. Cerita Rakyat atau cerita lisan merupakan gambaran masyarakat Melayu Tradisional yang penuh dengan nilai pengajaran dan budaya yang menarik. Cerita ini menjadi warisan serta peninggalan kepada masyarakat hari ini sebagai panduan dalam menjalani kehidupan seharian. Namun, cerita-cerita seperti ini tidak lagi mendapat tempat di hati masyarakat dan mungkin akan hilang di ingatan masyarakat pada masa akan datang. Cerita rakyat disampaikan secara lisan iaitu dituturkan dari mulut ke mulut dan mengalami banyak tokok tambah. Tokok tambah dilakukan sebagai hiburan dan untuk disesuaikan dengan latar serta suasana penceritaan.

## II. LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini berkenaan dengan Penglipur Lara Awang Batil iaitu gelaran untuk mereka yang mempersembahkan cerita. Dalam erti kata lain, Penglipur Lara merujuk kepada tukang cerita. Seseorang Penglipur Lara juga dikatakan sebagai seseorang yang menghiburkan hati ketika berdukacita. Justeru, perkataan 'Penglipur Lara' dirujuk kepada penutur cerita kerana perkataan itu merujuk kepada seseorang yang tertentu yang khusus menjalankan kerja untuk melipur lara pendengar-pendengarnya.

Dalam kajian ini, fokus utama adalah mengenai Penglipur Lara Awang Batil. Seseorang pencerita digelar Awang Batil kerana semasa mempersembahkan ceritanya, dipukulnya sebuah batil yang bunyinya berdeting-deting. Irama pukulan batil itu sebagai muzik latar ketika bercerita. Penglipur Lara ini pada mulanya dikenali sebagai 'Awang Belanga' kerana ia menggunakan belanga untuk dipukul. Tapi hanya ada satu sahaja belanga tembaga itu. Apabila belanga pecah, belanga itu digantikan dengan batil dan sejak itu ia dikenali sebagai Awang Batil. Ia dipersembahkan sebagai salah satu bentuk hiburan rakyat dengan persembahan cerita dari rumah ke rumah, kampung ke kampung dan majlis perkahwinan. Cerita yang dipersembahkan termasuklah cerita-cerita rakyat yang dimuatkan dengan unsur-unsur jenaka, pengajaran dan pukulan batil sebagai muzik iringan

## III. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini cuba untuk meneroka cerita sastera rakyat yang ada di Malaysia yang semakin pupus ditelan zaman berdasarkan pewajaran tertentu. Pada masa dahulu, cerita rakyat akan dijadikan hiburan serta panduan kepada masyarakat kerana ia begitu telus dan dekat dengan jiwa masyarakat (Mustaffa Mohd Isa, 1987). Hal ini kerana, dalam penceritaan yang disampaikan selalunya berunsur nasihat, jenaka, sindiran mahupun seloka dan amat mudah di fahami oleh pendengar. Namun, kemajuan yang di alami dunia kini seakan menelan kehebatan yang ada di sebalik cerita sastera rakyat yang begitu sinonim dengan masyarakat kampung dahulu. Senario ini berubah seiring dengan kemajuan teknologi dalam pelbagai bidang termasuklah dengan kewujudan panggung wayang, panggung teater, konsert dan lain-lain. Justeru, ia dilihat sebagai satu ancaman dalam memelihara warisan sastera rakyat yang ada di Malaysia seperti Awang Batil.

Kajian ini juga relevan kerana Penglipur Lara Awang Batil ini semakin pupus dan semakin sukar diterima masyarakat dewasa ini. Hal ini kerana, ramai generasi kini tidak tahu akan kewujudan sastera rakyat yang ada di Malaysia serta sesetengah masyarakat menganggap cerita seperti ini adalah cerita rekaan yang melampau dan tidak logik.

Selain itu, Penglipur Lara Awang Batil ini juga tidak mempunyai pelapis yang kental untuk mewarisi segala bentuk penceritaan cerita rakyat ini (Maria Abd. Razak, 2005). Hal ini termasuklah pelapis yang boleh menyampaikan cerita tetapi tidak boleh bertutur dengan bahasa yang betul dalam menyampaikan hikayat Awang Batil. Selain itu, pelapis yang ada kini juga tidak menguasai sepenuhnya pantang larang yang diamalkan ketika persembahan. Penglipur Lara Awang Batil sekarang iaitu Encik Ramli bin Mahmud adalah pewaris terakhir yang mampu menguasai keseluruhan penceritaan dan pantang larang hikayat ini. Justeru, jika ia tidak dipelihara, tidak mustahil Awang Batil akan berkubur sebagai cerita sastera rakyat di Malaysia.

#### IV. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting untuk masyarakat bagi mengenali Awang Batil. Melalui kajian ini, ia akan meneroka bidang persembahan sastera rakyat yang semakin ketinggalan di bawah arus pembangunan. Kajian ini secara tidak langsung dapat memberikan pemahaman kepada masyarakat termasuk pengkaji terhadap fungsi, nilai serta falsafah yang terdapat di sebalik persembahan Awang Batil. Secara tidak langsung, ia dapat mendidik masyarakat serta diri pengkaji untuk terus memelihara khazanah cerita rakyat yang masih wujud di Malaysia dan memahami dengan lebih mendalam tentang Awang Batil.

Selain itu, kajian ini juga dapat menambahkan lagi bahan rujukan dalam penyelidikan mengenai Penglipur Lara Awang Batil di Malaysia kepada pengkaji-pengkaji akan datang terutamanya bagi pengkaji yang ingin mengkaji mengenai cerita sastera rakyat. Hal ini sekaligus dapat menambahkan koleksi cerita mengenai Awang Batil kepada masyarakat akan datang kelak. Melalui pembacaan ini, ia akan dapat memelihara cerita Awang Batil supaya terus diingati sebagai khazanah penting negara dalam sastera rakyat. Secara tidak langsung, kajian ini juga memperkenalkan cerita sastera rakyat kepada masyarakat.

#### V. KERANGKA KONSEP

##### a) Sastera Rakyat

Sastera rakyat atau sastera lisan merupakan bentuk kesusasteraan yang terawal lahir dalam semua kebudayaan manusia. Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (1999) mendefinisikan sastera rakyat sebagai satu dunia yang luas, ia merangkumi segala pengucapan indah-indah yang lahir di kalangan, dan tidak saja merujuk kepada cerita rakyat. Menurut Hashim Awang (1985), dalam kertas kerja beliau yang bertajuk 'Sastera Rakyat Malaysia', secara kasarnya sastera rakyat boleh dibahagi kepada dua (2) kategori yang besar, iaitu sastera rakyat naratif dan sastera rakyat bukan naratif.

##### b) Penglipur Lara

Konsep Penglipur Lara ini merujuk kepada tukang cerita. Penglipur Lara merupakan seorang yang berkeboehan dalam menyampaikan sesebuah cerita untuk menghilangkan rasa resah, penat dan letih yang dihadapi oleh khalayak yang menonton atau mendengar. Seseorang Penglipur Lara juga dikatakan sebagai seseorang yang menghiburkan hati ketika berdukacita.

Perkataan 'Penglipur Lara' juga dapat dirujuk kepada penutur cerita kerana perkataan itu merujuk kepada seseorang yang tertentu yang khusus menjalankan kerja untuk melipur lara pendengar-pendengarnya. Jadi, istilah 'Penglipur Lara' yang digunakan untuk menunjukkan cerita-cerita yang bercorak demikian adalah salah satu istilah yang tepat kerana ia mencakupi makna untuk corak cerita dan tukang cerita (Mustaffa Mohd Isa, 1987 : 5).

##### c) Awang Batil

Suatu ketika dahulu, negeri Perlis cukup sinonim dengan seorang tokoh Awang Batil iaitu Encik Mahmud bin Wahid (kini Allahyarham) sebagai Penglipur Lara. Beliau tinggal di Kampung Pokok Sena, Chuping, Perlis. Namun, bakat beliau kini telah diperturunkan kepada anaknya iaitu Encik Ramli bin Mahmud dan beliau juga menetap di Kampung Pokok Sena Chuping, Perlis.

Kajian terperinci Mustaffa Mohd Isa (Mohd Redzuan Rais dan rakan, 2007 : 2-4) menyatakan bahawa seseorang yang ingin mewarisi cerita-cerita Awang Batil hendaklah menyediakan sirih pinang, sintuk, rokok tembakau dan kemenyan serta wang pengeras kepada gurunya. Apabila muridnya ditepuk bermulalah si murid mempelajari cerita-cerita Awang Batil sambil memukul batilnya. Pukulan batil itu amat besar gunanya. Irama dari pukulan batil itulah sebagai sumber ilham cerita yang menjelma di fikirannya. Ketika itu juga seseorang Awang Batil dapat membahagi-bahagikan ceritanya. Bila pukulan itu terhenti maka akan terputus ilham sesebuah cerita.

Batil atau belanga adalah alat yang paling penting yang digunakan di dalam sesuatu persembahan Awang Batil. Batil yang digunakan diperbuat daripada tembaga. Batil ialah bekas yang digunakan untuk menakung air di dalamnya. Batil yang digunakan oleh Encik Ramli adalah peninggalan dari arwah bapanya iaitu Pak Mahmud. Di dalam batil tersebut terdapat tulisan yang telah hampir pudar dan ia adalah petikan dari kitab Tajul Muluk. Antara alat-alat muzik lain yang digunakan ketika persembahan ialah biola, serunai, rebana dan gendang terinai. Hampir kesemua alat muzik ini dibuat sendiri oleh Encik Ramli dan keluarga yang terdahulu.

Ketika persembahan dilakukan, selain memukul batil dan bermain alat muzik, dia juga menggunakan topeng. Ada dua buah topeng yang digunakan iaitu topeng Hulubalang dan topeng Wak Nujum. Apabila sesuai dengan watak-watak dalam sesebuah cerita, Awang Batil akan memakai topeng-topeng tersebut. Hal ini tentulah lebih menarik perhatian penonton. Topeng tersebut diperbuat daripada kayu dan biasanya kayu tui serta disapukan dengan warna kemerah-merahan. Kayu tui ini merupakan kayu yang diambil daripada pokok tui dan kayu tui ini ringan serta mudah dibentuk. Persembahan Awang Batil dengan cara berseloka ini amat menggelikan hati. Beginilah permulaan ceritanya:

*Hei! Riu rendah gegak gempita,  
Inilah hamba nak mula cerita,  
Hang tengok kat aku, aku tengok kat hang,  
Hang kuit aku, aku kuit kat hang,  
Hang gelak kat aku, aku gelak kat hang,  
Hang jeling kat aku, aku jeling kat hang,  
Hang kecip mata, aku kenyut misai,  
Hei beginilah mula ceritanya....*

Di antara cerita-cerita yang sering dipersembahkan ialah Raja Dewa Lok, Raja Bersiung, Raja Berdarah Putih, Anak Lang Pak Belang, Jabat Jabit, Abu Nawas. Cerita Angan-Angan dan Awang Ada Duit Semua Jadi (Mustaffa Mohd Isa, 1987). Persembahan Awang Batil sering diadakan di majlis-majlis perkahwinan dan malam-malam keramaian. Biasanya tempat persembahannya dibuat di rumah kecil setinggi 3 atau 4 meter. Di keliling rumah tersebutlah penonton- penonton mengikuti ceritanya sehingga dinihari. Persembahan sesebuah cerita kadang-kadang mengambil masa dua sehingga lima malam. Cerita yang panjang ini biasanya dipersembahkan di rumah yang menjemputnya membuat persembahan Awang Batil terutamanya selepas musim menuai padi.

#### d) Salasilah Awang Batil

Semua cerita yang diceritakan oleh Allahyarham Pak Mahmud dan cara ia menyampaikan cerita-cerita itu adalah pusaka yang diwarisi daripada gurunya Tuk Mat Selembom manakala Tuk Mat Selembom belajar daripada Tuk Awang Kelam (buta) dari Kampung Sereyap dan Tuk Awang Kelam pula belajar daripada Tuk Mat Belanga dari Kampung Panggau. Sekarang, ia diwarisi oleh anak lelaki Allahyarham Pak Mahmud, Encik Ramli Mahmud (Pak Ramli).

### VI. KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Dalam kajian ini terdapat dua (2) kaedah yang telah digunakan dalam usaha mengumpul maklumat iaitu:

- ⌚ Kaedah kepustakaan
- ⌚ Kajian lapangan

#### a) Kaedah Kepustakaan

Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan data, khususnya bahan-bahan atau kajian-kajian mengenai Awang Batil. Data seperti bahan penulisan mengenai sastera rakyat dapat memperlihatkan fungsi sebenar di sebalik kewujudan Penglipur Lara di dalam masyarakat. Bahan bacaan yang ditemui adalah seperti buku, tesis, kertas kerja kajian ilmiah, keratan akhbar dan juga artikel. Buku rujukan banyak diperolehi dari Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Tesis dan kertas kerja pula banyak diperolehi dari Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya manakala artikel daripada majalah Dewan Sastera. Oleh hal yang demikian, melalui bacaan ini akan lebih memudahkan

kajian di lakukan kerana pemahaman tentang prospek kajian telah difahami secara konseptual.

Selain itu, rakaman persembahan Awang Batil yang pernah di rakam dahulu akan dijadikan data sampingan untuk kajian ini. Rakaman ini lebih memudahkan pemahaman pengkaji sebelum mahupun selepas membuat kajian lapangan. Kaedah penyelidikan ini adalah kaedah kualitatif iaitu dengan menganalisis dan membuat pemerhatian terhadap ritual yang dipersembahkan dalam persembahan Awang Batil. Data rakaman ini diperolehi daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan juga laman sesawang *Youtube*.

#### b) Kajian Lapangan

Kaedah kajian lapangan yang diguna pakai melibatkan rakaman perbualan, temu bual, catatan langsung dan borang kaji selidik mengenai Penglipur Lara Awang Batil. Rakaman perbualan lebih difokuskan bersama Awang Batil sendiri iaitu Encik Ramli Mahmud di rumahnya. Informan-informan kajian yang ditemubual pula merupakan penduduk Kampung Pokok Sena yang dikenal pasti pernah menyaksikan persembahan Awang Batil dan mengetahui tentang kewujudan Awang Batil.

### VII. DAPATAN KAJIAN

Dalam persembahan Awang Batil, terdapat banyak fungsi kepada masyarakat Melayu. Terjemahan fungsi itu dapat dilihat melalui dua bahagian iaitu:

- ⌚ Dialog / jalan cerita persembahan.
- ⌚ Lagu-lagu yang dinyanyikan sebagai selingan ketika persembahan.

#### a) FUNGSI MELALUI JALAN CERITA ATAU DIALOG

Awang Batil mempunyai pelbagai cerita. Kajian ini menganalisis sebuah cerita Awang Batil yang akan memperlihatkan fungsi dan peranan yang berbeza iaitu Cerita Awang Akar Larak.

Mengikut Encik Ramli Mahmud, semua cerita Awang Batil yang disampaikan tidak mempunyai skrip yang tetap kerana terdapat tokoh tambah di setiap persembahan yang disampaikan. Encik Ramli memberitahu bahawa semua cerita Awang Batil yang pernah dipersembahkan beliau diceritakan oleh bapanya iaitu Pak Mahmud ketika menidurkan beliau semasa kecil dan cerita-cerita itu menjadi lebih kuat diingatan beliau apabila selalu menyaksikan persembahan Pak Mahmud ketika kecil-kecil dahulu. Namun, terdapat pengkaji mahupun wakil Kementerian Kebudayaan Negeri Perlis yang merakam persembahan dan menulis skrip tersebut dan dicetak tetapi hanya cerita terpilih sahaja. Terdapat juga pengkaji yang menulis sinopsis perjalanan cerita itu sebagai koleksi peribadi dan sebagai lampiran tesis sarjana. Analisis di bahagian ini akan memperlihatkan sinopsis cerita, tema cerita serta penjelasan fungsi cerita melalui jalan cerita atau dialog yang disampaikan.

## i) Cerita Awang Akar Larak

### Sinopsis

Cerita Awang Akar Larak mengisahkan Awang yang hendak membunuh diri dengan menggunakan akar larak untuk menggantung diri. Hal ini kerana Awang sudah tidak tahan dengan kesusahan yang di alami dia. Seorang tua berpakaian putih memberi nasihat kepadanya sehinggalah dia berjaya menjadi seorang bomoh setelah diberi petunjuk oleh lelaki berpakaian putih itu tadi. Satu demi satu penyakit berjaya dirawat oleh Awang dan akhirnya dia menjadi popular. Awang telah diuji oleh raja negeri tersebut dan ternyata ramalannya benar dan akhirnya Awang diangkat menjadi raja negeri itu setelah raja negeri itu mangkat. Hidup Awang menjadi senang setelah bergelar raja sehinggalah dia tidak mahu mati lagi. Setelah membina istana di tengah lautan dan berkahwin, akhirnya dia mati juga selepas kelahiran anaknya.

### Tema

Cerita ini mengangkat tema kebenaran dalam kehidupan iaitu manusia harus menerima segala yang ditentukan oleh hukum alam. Kebenaran atau realiti sesuatu perkara itu tidak boleh dinafikan semata-mata untuk kepentingan diri sendiri. Sebagai manusia, kita seharusnya menerima apa yang telah ditentukan untuk diri kita. Contohnya, jika kita menghadapi sesuatu masalah atau penyakit, seharusnya kita bersyukur dan menerima ia sebagai satu dugaan hidup. Selain itu, seseorang individu perlu berusaha untuk memperbaiki kelemahan diri sendiri. Di awal cerita ini, dapat dilihat pada watak Awang yang telah berputus asa dengan kehidupannya yang susah dan miskin namun, Awang bangkit untuk memastikan kehidupannya lebih sempurna.

### Fungsi di sebalik cerita

Cerita ini memberitahu rakyat supaya bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu sehinggalah berjaya. Sikap ini dapat dilihat melalui perwatakan Awang yang miskin namun tetap berusaha keras sehingga beliau berjaya dengan mengubati manusia hasil daripada sakti yang dimilikinya. Cerita ini juga memperlihatkan sikap berputus asa adalah sikap yang tidak memberi apa-apa faedah malah merugikan manusia. Hal ini dapat dilihat apabila Awang berputus asa dengan kehidupannya pada permulaan cerita namun dengan semangat yang kental, beliau bangkit untuk mengubah hidupnya dan akhirnya membawa kejayaan. Kesusahan mahupun kesakitan bukan pengakhiran untuk segalanya. Cerita ini juga menampakkan sikap jujur Awang yang patut dicontohi masyarakat. Hal ini dapat dilihat apabila Awang bercakap jujur dengan seorang tua yang datang bertanyakan masalah beliau. Awang juga sentiasa jujur dalam mengubati pesakitnya apabila mempunyai sakti contohnya apabila mengubati raja, Awang memberitahu bahawa saat kematian raja sudah tidak lama dan tidak lama selepas itu, raja pun mangkat.

## b) FUNGSI DI SEBALIK LIRIK LAGU

Bahagian ini akan menganalisis sebuah lagu yang bertajuk Manis Manis Manis yang sering dinyanyikan oleh Awang

Batil. Terdapat pelbagai lagu yang dipersembahkan dalam persembahan Awang Batil sebagai lagu pembuka panggung mahupun lagu selingan ketika penceritaan. Mengikut Encik Ramli Mahmud, lagu yang disampaikan mempunyai pelbagai rentak dan di mainkan bersesuaian dengan situasi ketika persembahan.

Lagu-lagu yang di mainkan ketika zaman dahulu kebanyakan liriknya secara spontan tetapi lagu-lagu yang didendangkan sekarang agak berbeza. Hal ini kerana, Awang Batil cuba menghiburkan penonton dengan lagu-lagu malar segar contohnya seperti nyanyian Ahmad Jais, S.M Salim, Sharifah Aini dan lain-lain penyanyi yang seangkatan dengan mereka. Hal ini dapat menarik perhatian penonton kerana jika disampaikan lagu secara spontan, selalunya memerlukan persembahan yang panjang. Namun, dengan kesuntukan masa, lagu-lagu malar segar itu dapat menjadi pengganti untuk menghiburkan penonton. Lagu-lagu ini biasanya di mainkan ketika selingan sesuatu babak mahupun ketika sesuatu peristiwa berlaku di dalam cerita tersebut.

### Lagu Manis Manis Manis

Lirik & Nyanyian : Encik Ramli Mahmud

#### Lirik Lagu

Manis manis manis  
Bukannya gula  
Manis kupandang budi bahasa

Manis manis manis  
Bukannya wajah  
Manis kupandang tutur dan kata

Tegaknya rumah kerana sendi  
Runtuhlah sendi rumah binasa  
Tegaknya bangsa kerana budi  
Runtuhlah budi runtuhlah bangsa

#### Fungsi di sebalik lirik lagu

Lagu ini cukup jelas memberikan nasihat dan pengajaran kepada pendengar. Lagu ini berkaitan dengan budi bahasa yang akan dipandang manis oleh semua orang. Contoh liriknya adalah 'Manis manis manis, bukannya gula, manis kupandang budi bahasa'. Ia menterjemahkan bahawa budi bahasa sangat penting untuk semua orang. Selain itu, lirik lagu ini juga menterjemahkan bahawa rupa paras bukannya penting tetapi tutur dan kata lebih penting untuk dinilai. Contoh liriknya adalah 'manis manis manis, bukannya wajah, manis kupandang tutur dan kata'. Ia jelas menunjukkan bahawa lirik lagu ini memberikan nasihat kepada masyarakat tentang keluhuran budi bahasa dan tutur kata lebih manis dipandang orang. Hal ini berkaitan dengan konsep masyarakat Melayu bahawa kecantikan dan kesempurnaan tidak terletak pada paras rupa tetapi lebih dipandang pada luhurnya budi bahasa.

Selain itu, lagu ini juga menterjemahkan tentang bangsa yang teguh kerana budi. Contoh liriknya adalah

'Tegaknya bangsa kerana budi, runtuhlah budi runtuhlah bangsa'. Hal ini menunjukkan kepada pendengar bahawa betapa pentingnya budi untuk mengangkat martabat bangsa serta menyatukan manusia. Tanpa budi, maka akan runtuhlah bangsa. Berseduaian dengan masyarakat dewasa ini, meraka harus faham bahawa budi bahasa ini merujuk kepada tutur kata, kelakuan, sopan santun, tatatertib, akal kebijaksanaan dan dengan kata lain, setiap gerak laku, tutur kata, pemikiran dan perasaan baik terhadap orang lain terangkum dalam konsep budi bahasa. Kempen budi bahasa juga selalu dicanangkan oleh menteri-menteri di Malaysia dan jelaslah bahawa Awang Batil juga berjiwa patriotik dalam menyampaikan lagu-lagunya. Justeru, lagu ini memberikan nasihat yang sangat berguna kepada masyarakat yang mendengarnya dan benarlah kata orang tua bahawa budi dan bahasa menunjukkan bangsa.

## VIII. KESIMPULAN

Melalui kajian ini, pengkaji melihat bahawa cerita rakyat adalah satu khazanah negara yang sangat berharga kerana memiliki nilai-nilai yang jarang ada di media elektronik mahupun media massa sekarang. Cerita ini menjadi warisan serta peninggalan kepada masyarakat hari ini sebagai panduan dalam menjalani kehidupan seharian. Namun, cerita-cerita seperti ini tidak lagi mendapat tempat di hati masyarakat dan mungkin akan hilang di ingatan masyarakat pada masa akan datang. Namun, terdapat beberapa sebab kenapa Awang Batil kurang mendapat sambutan daripada masyarakat kini. Antaranya ialah kurang pendedahan tentang wujudnya Penglipur Lara Awang Batil ini. Selain itu, ia juga disebabkan saingan media massa dan media elektronik yang lebih moden dan sesuai dengan keadaan masa kini. Oleh itu, masyarakat lebih cenderung untuk memilih alat hiburan ini daripada mendengar penuturan Awang Batil. Selain itu, cerita yang disampaikan oleh penutur iaitu Awang Batil terdiri daripada cerita-cerita berunsur khayalan dan berdasarkan hikayat-hikayat Melayu lama yang tidak sealiran dengan generasi kini yang lebih moden.

Untuk kajian-kajian yang akan datang mahupun kajian-kajian yang lepas oleh pihak-pihak tertentu perlulah dibukukan cerita-cerita yang disampaikan Awang Batil atau membuat laporan berperingkat untuk menarik minat masyarakat. Walaupun masyarakat tidak melihat ataupun mendengar secara langsung persembahan Awang Batil ini, mungkin daripada bahan yang dibukukan atau rakaman yang dibuat boleh dijadikan rujukan dan tontonan generasi akan datang.

## RUJUKAN

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2007. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Taib Osman. 1991. *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mustaffa Mohd Isa. 1987. *Awang Batil Penglipurlara Dari Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Rejab F.I. 2002. *Bicara Tokoh Budaya Perlis 'Awang Batil'*. Festival Sastera Perpaduan Malaysia. Taman Budaya Negeri Perlis: Perbadanan Perpustakaan Negeri Perlis

## Tesis/ Kertas Kerja/ Artikel

Madiawati Mamat @ Mustaffa. 2004. *Cerita-cerita Awang Batil : Kajian Rasa Fenomenologi*. Tesis Sarjana. Jabatan Kesusasteraan Melayu: Akademi Pengajian Melayu

Maria Abdul Razak. 2005. *Pernglipur lara Awang Batil di Negeri Perlis*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia

Mohd Redzuan Rais dan rakan. 2007. *Asal Usul, Sejarah Dan Salasilah Awang Batil*. Latihan Ilmiah. Perlis: Institut Perguruan Perlis

Rejab Ismail. 2004. Februari. *Profil Seniman:Awang Batil*. Dewan Sastera. hal 6 – 7

## Laman Sesawang

Laman Web Kesenian Negeri Perlis. 2006. Dicapai pada 8 Mac 2011 daripada <http://www.myperlis.com/Seni&Budaya.php>

Megat Mohd Noh Megat Teh. 2009. Awang Batil, Penglipur Lara Ditelan Zaman. Dicapai pada 3 Mac 2011 daripada <http://awangbatill.blogspot.com>

## Video

*Awang Batil Pak Mahmud*. 1980. Jabatan Muzium dan Antikuti

*Intisari Kesenian Tradisional Negeri Perlis*. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis: Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Perlis